

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

TARIKH : 19 JULAI 2022 (SELASA)

SOALAN

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kematian dan jumlah kemalangan yang melibatkan Perkhidmatan Penghantaran Makanan pada tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021 dan sehingga Jun 2022. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan keselamatan dan kebajikan pekerja-pekerja penghantaran makanan yang sentiasa terdedah dengan bahaya kemalangan akibat tekanan kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kemalangan yang melibatkan penghantar makanan mulai tahun 2018 sehingga Mei 2022 adalah sebanyak 1,242. Daripada jumlah ini, sebanyak 112 kematian, 82 kecederaan parah dan 1048 kecederaan ringan telah dicatatkan.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ke arah memastikan tahap keselamatan dan kebajikan pekerja-pekerja di dalam sektor ini adalah seperti berikut:-

- (i) Mengawal selia perkhidmatan penghantaran barangan terutamanya yang disediakan di bawah satu perniagaan pengantaraan (*p-hailing*) agar perkhidmatan yang disediakan adalah sah dari segi undang-undang. Perkara ini akan memastikan kebajikan penunggang dapat dilindungi, termasuk memastikan terdapatnya kawalan ke atas tahap penyediaan perkhidmatan dan tanggungjawab oleh syarikat penyedia perkhidmatan, tingkah laku pemandu untuk mematuhi semua peraturan jalan raya serta kebajikan pemandu dari aspek perlindungan pekerjaan dan insurans;
- (ii) Mewajibkan agar semua individu yang menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri dalam sektor perusahaan penghantaran barangan (termasuk sebagai penghantar barang makanan) mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di bawah PERKESO. Kewajipan ini adalah bertujuan untuk melindungi kebajikan semua penunggang terbabit sekiranya terlibat dalam sebarang nahas jalan raya semasa menjalankan pekerjaan, yang termasuk berupaya menyediakan bantuan perubatan dan kewangan; dan
- (iii) Menjalankan aktiviti advokasi dan kempen keselamatan yang memberi fokus kepada penunggang terlibat. Pada 9 April 2021, MOT dengan kerjasama MIROS dan JPJ telah

SOALAN NO: 67

melancarkan kempen keselamatan jalan raya di kalangan penunggang *p-hailing*. Kempen yang telah dilancarkan oleh YB Menteri Pengangkutan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang penunggangan selamat ketika membuat penghantaran barangan dan makanan. Antara aktiviti yang dijalankan bersempena kempen ini adalah seperti yang berikut:

- a. '*Road show*' keselamatan jalan raya sebagai sebahagian aktiviti advokasi bersama PERKESO;
 - b. Hebahan peringatan mesej keselamatan jalan raya dalam bentuk infografik melalui media sosial;
 - c. Kajian pemerhatian tingkah laku penunggang *p-hailing* melalui CCTV di Pusat Pengurusan Pengangkutan (ITIS) di 11 jalan raya di Kuala Lumpur yang melibatkan 16,308 penunggang. Hasil kajian mendapati bahawa 62% penunggang berhenti di petak kuning/lintasan pejalan kaki, 14% memegang telefon dan melanggar lampu isyarat, 7% membuat *u-turn* di tempat yang tidak dibenarkan dan 3% melawan arus / melalui trafik bertentangan; dan
 - d. Latihan penunggangan selamat juga diberikan kepada penunggang *p-hailing* yang menekankan aspek keselamatan ketika menunggang, penyelenggaraan kenderaan serta penunggangan defensif.
- (iv) Selain itu, sebanyak 30 kempen khas keselamatan jalan raya khusus untuk pemandu dan penunggang *e-hailing* dan *p-hailing* telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2022. Kempen ini dilaksanakan dengan kerjasama syarikat-syarikat *e-hailing* dan *p-hailing* di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.